

# PERUBAHAN STRATEGI PERUNDANGAN DALAM MENANGANI KESALAHAN PERDAGANGAN MAKLUMAT DALAMAN DALAM INDUSTRI SEKURITI.

Prof Madya Dr Asmah Laili Hj Yeon,  
Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia

*Perdagangan Maklumat Dalaman adalah merupakan salah satu jenayah sekuriti yang utama di Malaysia yang termaktub di bawah Akta Industri Sekuriti 1983 dan juga Akta Syarikat 1965. Bagi menangani kesalahan perdagangan maklumat dalaman ini hukuman traditional yang dikenakan mengikut kedua-dua akta utama ini ialah mengikut hukuman undang-undang jenayah. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi hukuman kategori ini menyebabkan beberapa masalah timbul dalam menangani kes ini. Pertama, kerumitan dari segi pendakwaan yang melibatkan masalah bahan bukti, kesaksian dan penggunaan nominee dan beban pembuktian. Kedua, pertindihan kesalahan dalam dua akta utama. Perubahan strategi perundangan yang diperlukan dalam hal ini adalah dengan memperkenalkan peruntukan tuntutan remedi secara sivil secara meluas bagi menjimatkan masa, wang, memperkukuhkan pendakwaan dan mengurangkan beban pembuktian. Di samping itu pendekatan 'serampang dua mata' dengan menggunakan kombinasi model undang-undang industri sekuriti dan perhubungan fidusiari perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa dalam pembentukan rangka perundangan industri sekuriti di Malaysia.*

## PENGENALAN

Perdagangan maklumat dalaman adalah merupakan salah satu jenayah sekuriti yang utama di Malaysia yang termaktub di bawah Akta Industri Sekuriti 1983 dan juga Akta Syarikat 1965. Bagi menangani kesalahan perdagangan maklumat dalaman ini hukuman traditional yang dikenakan mengikut kedua-dua akta utama ini ialah mengikut hukuman undang-undang jenayah. Pindaan kepada Akta Industri Sekuriti yang dilaksanakan pada tahun 1998 telah memperkenalkan satu strategi baru yang memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk mengambil tindakan sivil kepada orang dalaman atau individu yang terlibat dengan perdagangan dalaman. Di samping itu pihak yang menjadi mangsa kepada dagangan ini juga boleh membuat tuntutan pampasan kepada pihak yang memperdagangkan maklumat dalaman.

Secara umumnya dagangan maklumat dalaman adalah merujuk kepada situasi di mana seseorang individu mengambil peluang memperdagangkan maklumat sebelum maklumat tersebut disebarkan kepada umum melalui proses formal seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang. Maklumat yang dimaksudkan ini mestilah boleh memberi kesan kepada harga pasaran sekuriti berkenaan. Kebiasaannya

mana-mana pihak yang terlibat dengan memperdagangkan maklumat dalaman ini akan mendapat keuntungan hasil daripada pembelian atau penjualan sekuriti berbanding dengan pelabur-pelabur lain yang tidak mengetahui maklumat tersebut. Ini menimbulkan ketidakadilan dalam dagangan pasaran sekuriti dan menyebabkan pelabur-pelabur tidak mempunyai keyakinan terhadap pasaran sekuriti dan ini boleh menyebabkan integriti pasaran sekuriti di Malaysia akan terganggu. Justeru, undang-undang yang terkandung dalam Akta Industri Sekuriti 1983 memperuntukkan dengan jelas kesalahan-kesalahan jenayah industri sekuriti yang cuba dibendung dan dibenteraskan oleh kerajaan Malaysia.

Kesalahan dagangan maklumat dalaman (sekyen 89, Akta Industri Sekuriti 1983) merupakan salah-satu jenis jenayah industri sekuriti di Malaysia yang termasuk juga aktiviti manipulasi pasaran sekuriti (seksyen 85), dagangan palsu dan penipuan pasaran (seksyen 84), melakukan kenyataan palsu dan salah (seksyen 86), mendorong seseorang secara menipu untuk berdagang dalam sekuriti (seksyen 87), menggunakan cara-cara yang manipulatif dan tipuan. (seksyen 87A), dan menyebarkan maklumat berhubung dengan transaksi yang salah. (seksyen 88). Badan penguatkuasa bagi membendung dan membenteras aktiviti dagangan maklumat dalaman adalah Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan pada 1998. Manakala Bursa Saham Kuala Lumpur pula bertindak sebagai badan 'self-regulator' yang memastikan bahawa polisi pendedahan korporat bagi syarikat yang tersenarai dilaksanakan oleh setiap syarikat yang berkenaan.

Sebelum pindaan pada tahun 1998, hukuman yang dikenakan kepada seseorang yang telah disabitkan kesalahan ini oleh undang-undang industri sekuriti adalah melalui proses hukuman kesalahan jenayah. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi hukuman kategori ini menyebabkan beberapa masalah timbul dalam menangani kes ini. Pertama, kerumitan dari segi pendakwaan yang melibatkan masalah bahan bukti, kesaksian dan penggunaan nominee dan beban pembuktian. (Zainun Ali, 1994). Melalui peruntukan dalam Akta Industri Sekuriti yang dipinda pada tahun 1998, telah memperkenalkan dua jenis hukuman bagi menangani dagangan maklumat dalaman iaitu penalti kesalahan jenayah dan tuntutan remedi sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang perubahan strategi perundangan dalam menangani kesalahan perdagangan maklumat dalaman dalam industri sekuriti dan pembaharuan yang perlu dilaksanakan bagi memantapkan lagi peruntukan undang-undang berhubung dengan aktiviti dagangan maklumat dalaman.

## **TAKRIFAN DAGANGAN MAKLUMAT DALAMAN**

Menurut seksyen 89, Akta Industri Sekuriti 1983, maklumat termasuklah (a) perkara-perkara yang menjadi anggapan dan lain-lain perkara yang tidak mencukupi untuk membolehkan maklumat tersebut diumumkan kepada umum, (b) perkara berhubung

dengan niat atau seakan-akan niat seseorang, (c) perkara berhubung dengan perbincangan atau cadangan yang berhubung dengan dagangan komersial atau dagangan sekuriti, (d) maklumat berhubung dengan prestasi kewangan sesebuah syarikat, (e) maklumat bahawa seseorang bercadang untuk memasuki atau yang telah memasuki satu atau lebih transaksi atau perjanjian yang berkaitan dengan sekuriti atau telah menyediakan atau bercadang untuk mengisukan kenyataan berhubung dengan sekuriti tersebut, dan perkara-perkara berhubung dengan masa hadapan.

Di Malaysia, menurut seksyen 89E, seseorang itu merupakan orang dalaman (insider) sekiranya beliau memiliki maklumat yang tidak diketahui oleh umum dan sekiranya maklumat tersebut diketahui atau diperolehi oleh umum maka seseorang yang munasabah akan menjangkakan bahawa maklumat tersebut akan memberi kesan kepada harga atau nilai sesuatu sekuriti tersebut. Seterusnya orang dalaman tersebut mestilah juga mengetahui atau secara munasabahnya mengetahui bahawa maklumat tersebut tidaklah diketahui oleh umum. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen ini sekiranya orang dalaman tersebut membeli atau melupuskan atau memasuki perjanjian yang bertujuan untuk membeli atau melupuskan sekuriti dengan menggunakan maklumat dalaman yang dinyatakan tadi. Di samping itu adalah menjadi satu kesalahan juga sekiranya orang dalaman tersebut mendapatkan secara langsung atau tidak langsung satu pembelian atau pelupusan atau memasuki perjanjian dengan hasrat atau bertujuan untuk membeli atau melupuskan sekuriti tersebut. Perbuatan mendapatkan maklumat ini termasuklah dengan cara mengapi-apikan, mempengaruhi, menggalakkan atau mengarahkan seseorang yang lain bagi tujuan dagangan maklumat dalaman tersebut.(seksyen 89D).

Di samping kesalahan yang dinyatakan di atas, orang dalaman juga tidak boleh secara langsung atau tidak langsung, mengkomunikasikan maklumat dalaman atau menyebabkan komunikasi maklumat itu berlaku kepada orang lain, jika sekiranya orang dalaman itu mengetahui atau secara munasabahnya mengetahui, orang lain yang mendapat maklumat itu akan membeli, melupuskan atau memasuki perjanjian yang bertujuan untuk membeli atau melupuskan sekuriti berkenaan.(seksyen 89E(3)(a)). Seterusnya perbuatan orang dalaman mendapatkan pihak ketiga untuk membeli, melupus atau memasuki perjanjian yang bertujuan untuk membeli atau melupuskan sekuriti berkenaan.(seksyen 89E(3)(b)) adalah juga merupakan satu kesalahan.

## **DAGANGAN MAKLUMAT DALAM DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965**

Akta Syarikat 1965, memperuntukan kesalahan dagangan maklumat dalaman melalui Seksyen 132A. Pegawai, ejen atau pekerja perbadanan atau pegawai Bursa Saham yang berkaitan dengan urusan sekuriti perbadanan oleh dirinya atau mana-mana orang lain melakukan penggunaan yang tidak betul untuk mendapat secara langsung atau tidak langsung, faedah untuk diri sendiri atau mana-mana orang lain maklumat sulit atas kedudukannya sebagai pegawai, ejen atau pekerja atau pegawai Bursa

Saham yang jika diketahui umum mungkin dengan munasabah dijangka mempengaruhi dengan material harga tajuk perkara urusan di Bursa Saham.

Pegawai, ejen atau pekerja atau pegawai Bursa Saham berkenaan adalah bertanggungjawab terhadap kerugian yang ditanggung oleh mangsa transaksi ini. Mangsa bagi kes ini mempunyai sekatan masa iaitu tindakan untuk mendapatkan semula amaun yang rugi tidak boleh bermula selepas tamat dua tahun selepas tarikh siap urusan dalam sekuriti berkenaan dengan kerugian tersebut dialami. Selain itu hukuman lain yang boleh dikenakan ialah jika disabitkan dengan kesalahan ini juga mereka boleh dikenakan penjara lima tahun atau RM30,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Jika dikaji dari segi hukuman yang dikenakan di bawah Akta Syarikat 1965 ini adalah lebih ringan jika dibandingkan dengan hukuman di bawah Akta Industri Sekuriti seperti yang dibincangkan di bawah perenggan 5.0. Di samping itu tuntutan sivil bagi mendapat ganti rugi oleh mangsa juga mempunyai sekatan masa seperti yang diperuntukan menurut seksyen 132A(3). Ini tentunya menghadkan tindakan mangsa untuk mendapatkan pampasan mereka kerana proses untuk mendapatkan bukti memakan masa yang agak panjang.

## **PERANAN DAN FUNGSI SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA**

Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993<sup>1</sup> telah memperuntukkan fungsi dan tanggungjawab badan ini sebagai:-

- a. Menasihati Menteri dalam segala perkara berhubung dengan perindustrian sekuriti dan perindustrian niaga hadapan;
- b. Mengawalselia segala perkara berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- c. Memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- d. Mengawalselia pengambilalihan dan pencantuman syarikat;
- e. Mengawalselia segala perkara yang berhubung dengan skim amanah saham;
- f. Bertanggungjawab bagi mengawasi dan menyelia aktiviti-aktiviti mana-mana bursa, pusat penjelasan dan depository pusat;
- g. Mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran sekuriti dan niaga hadapan dengan memastikan adanya perlindungan yang mencukupi bagi pelabur;
- h. Memajukan dan menggalakkan tata kelakuan yang baik di kalangan anggota bursa, pusat penjelasan, depository pusat dan semua orang berlesen.
- i. Membenteras, amalan-amalan yang menyalahi undang-undang, yang hina dan tidak patut dalam perniagaan sekuriti dan perdagangan kontrak niaga hadapan, dan memberi nasihat pelaburan atau perkhidmatan-perkhidmatan lain berhubung dengan sekuriti atau kontrak hadapan;
- j. Menimbang dan membuat syor-syor bagi pembaharuan undang-undang berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;

- k. Menggalakkan dan memajukan pembangunan pasaran sekuriti dan niaga hadapan di Malaysia terutama penyelidikan dan latihan berkaitan dengannya;
- l. Menggalakkan dan memajukan pengawalseliaan sendiri oleh persatuan-persatuan professional atau badan-badan pasaran dalam perindustrian sekuriti dan niaga hadapan;
- m. Melesenkan dan mengawasi semua orang berlesen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- n. Memajukan dan mengekalkan integriti semua orang berlesen dalam perindustrian sekuriti.

Menurut seksyen 16, pula telah memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya mempunyai semua kuasa yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau munasabahnya bersampingan dengan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya Sekuriti seperti yang dinyatakan di atas dan di bawah undang-undang sekuriti.

Pemusatan penguatkuasaan dalam hal-hal perdagangan dalam industri sekuriti di bawah Suruhanjaya Sekuriti adalah satu langkah yang baik. Ini dapat mengelakkan pertindihan tanggungjawab penguatkuasaan antara pihak Suruhanjaya dengan pihak Pendaftar Syarikat.

## **HUKUMAN KESALAHAN JENAYAH**

Dalam melaksanakan hukuman kesalahan memperdagangkan maklumat dalaman ini, Suruhanjaya Sekuriti perlu membuktikan bahawa kewujudan elemen-elemen perbuatan dagangan maklumat dalaman seperti yang termaktub dalam seksyen 89, 89A, 89B, 89C, 89D, dan 89E seperti yang telah dibincangkan. Dari segi pembuktiannya pihak pendakwa perlu membuktikan kewujudan elemen-elemen kesalahan dalam seksyen-seksyen yang dinyatakan dengan piawai pembuktian yang tinggi iaitu melampaui keraguan munasabah. Dapatan kajian yang lalu (Asmah Laili, 1999)<sup>ii</sup> menunjukkan bahawa hanya satu kes dagangan maklumat dalaman yang telah didakwa di mahkamah Malaysia dan Mahkamah Rayuan pada tahun 2000 telah menjatuhkan hukuman bersalah kepada orang dalaman yang melakukan kesalahan ini. Masalah lain yang timbul oleh pihak pendakwa adalah untuk mengenalpasti orang dalaman yang melakukan kesalahan ini. Sebelum pindaan Akta Industri Sekuriti pada tahun 1998, orang dalaman tersebut mestilah mempunyai hubungan fidusiari dengan syarikat yang mana maklumatnya diperdagangkan beliau. Sekiranya tidak dapat dibuktikan bahawa hubungan fidusiari antara kedua-dua pihak itu wujud maka tidaklah merupakan satu kesalahan kepada orang yang melakukan dagangan maklumat dalaman ini.

Pihak Pendaftar Syarikat<sup>iii</sup> menyatakan bahawa masalah lain berhubung dengan kegagalan pendakwaan kes-kes dagangan maklumat dalaman adalah berhubung dengan dokumen-dokumen yang menjadi bahan bukti tidak menunjukkan secara langsung bahawa transaksi yang dimasukki itu adalah untuk tujuan tersebut. Ini menyebabkan pembuktian niat untuk melakukan transaksi ini dipertikaikan dari segi perundangan. Bukti-bukti yang wujud juga kebanyakannya adalah

bersandarkan kepada 'circumstantial evidence' dan bukannya bukti secara langsung yang boleh digunakan oleh Pendaftar Syarikat membentuk kes yang kukuh dan seterusnya membawa kes tersebut ke Mahkamah untuk tujuan pendakwaan.<sup>iv</sup> Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1996 menyatakan bahawa oleh kerana masalah pembuktian bagi kes dagangan maklumat dalaman pihak Suruhanjaya terpaksa membuat pertuduhan terhadap pesalah menggunakan peruntukan lain bagi jenayah sekuriti bukan di bawah seksyen 89. Ini membolehkan agar pesalah dapat juga disabitkan atas kesalahan dagangan sekuriti walaupun bukan dengan menggunakan peruntukan seksyen 89.

Berbanding dengan hukuman sebelum pindaan 1998, pada masa kini, menurut seksyen 89E(4) seseorang yang disabitkan kesalahan memperdagangkan maklumat dalaman boleh dikenakan denda sebanyak tidak kurang daripada RM1 juta dan hukuman penjara bagi jangkamasa tidak melebihi 10 tahun. Kenaikan jumlah denda dan hukuman penjara ini dijangkakan dapat membendung kegiatan dagangan maklumat dalaman di Malaysia. Di Amerika Syarikat dapatan kajian yang dijalankan oleh Fortune (1981)<sup>v</sup> mendapati bahawa berlakunya penurunan kes-kes dagangan maklumat dalaman selepas Kerajaan Amerika Syarikat memperkenalkan undang-undang berhubung dengan tindakan sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti Amerika Syarikat (SEC) terhadap pihak yang terlibat dengan dagangan maklumat dalaman. Pada tahun 1981 sebanyak 95 peratus kenaikan harga syer syarikat terlibat dengan pengambilalihan berlaku sebelum pengumuman pengambilalihan syarikat dilakukan secara rasmi. Ini menunjukkan aktiviti dagangan maklumat dalaman berlaku. Tetapi dapatan kajian yang dilakukan oleh Business Week pada tahun 1994 peratusan kenaikan harga bagi kes-kes pengambilalihan telah menurun ke kadar 35 peratus. Faktor penurunan kenaikan harga sebelum pengambilalihan mempunyai kaitan yang rapat dengan langkah SEC memperkenalkan tindakan sivil oleh SEC kepada orang dalaman dan pihak yang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral ini. Akta-akta yang diperkenalkan dalam tempoh 1981 sehingga 1994 adalah Insider Trading Sanctions Act 1984, Insider Trading and Securities Fraud Enforcement Act 1988, dan Private Securities Litigation Reform Act, 1995. Strategi baru perundangan berhubung dengan hukuman kepada pihak yang terlibat yang bersifat serampang dua mata iaitu (1) tindakan sivil mendapatkan pampasan atau gantirugi oleh Suruhanjaya Sekuriti Amerika Syarikat (SEC) dan juga (2) mengenakan penalti sivil kepada pesalah aktiviti ini. Dalam masa yang sama hukuman yang dikenakan mengikut aturcara jenayah juga digunakan.

## **TUNTUTAN REMEDI SIVIL: STRATEGI BARU PERUNDANGAN DALAM MENANGANI KESALAHAN DAGANGAN MAKLUMAT DALAMAN.**

Pelabur-pelabur dalam industri sekuriti yang menjadi mangsa kepada aktiviti dagangan maklumat dalaman mendapat perlindungan undang-undang mengikut pindaan 1998 kepada Akta Industri Sekuriti 1983. Seksyen 90 dan 90A memperuntukkan beberapa cara bagaimana perlindungan ini boleh diperolehi oleh mangsa.

Pertamanya, Seksyen 90(1), Akta Industri Sekuriti 1983 menyatakan bahawa sekiranya pihak Suruhanjaya Sekuriti mendapati bahawa seseorang telah melakukan kesalahan memperdagangkan maklumat dalaman maka pihak Suruhanjaya boleh mengambil tindakan sivil di Mahkamah terhadap orang tersebut. Tindakan sivil ini boleh diambil tanpa mengira sama ada orang tersebut telah disabitkan kesalahan atau tidak, ataupun tidak mengira sama ada perbuatan tersebut telah dibuktikan ataupun tidak. Bagi mendapatkan pampasan atau gantirugi mangsa, Suruhanjaya boleh atas dasar kepentingan awam mengambil tindakan sivil terhadap orang dalaman atau sesiapa sahaja yang terlibat dengan kegiatan dagangan ini.(seksyen 90A(5)(a)). Tindakan sivil tersebut adalah untuk mendapatkan sejumlah tuntutan yang bernilai tiga kali ganda **perbezaan antara** harga pembelian atau harga belian yang persetujuan terhadap sekuriti tersebut oleh orang dalaman atau orang lain **dengan** harga pasaran sekuriti tersebut sekiranya pembelian atau perjanjian dilakukan dalam keadaan apabila maklumat tersebut dalam pengetahuan umum. Contohnya harga belian sewaktu maklumat sekuriti tidak diketahui umum adalah RM10,000 dan setelah maklumat sekuriti tersebut diketahui umum ianya meningkat kepada RM50,000. Perbezaan harga ini RM40,000 x 3, menjadikan jumlah tuntutan sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti bernilai RM120,000. Tindakan sivil juga boleh diambil oleh Suruhanjaya bagi aktiviti pelupusan sekuriti seperti mana di atas mengikut kadar yang sama.(seksyen 90A(6)(a)).

Di samping itu, Suruhanjaya juga boleh membuat tuntutan penalti sivil terhadap orang dalaman atau orang lain yang terlibat, mengikut apa yang difikirkan patut oleh mahkamah mengikut keseriusan kes tetapi tidak boleh melebihi RM500,000 bagi transaksi pembelian atau pelupusan sekuriti tersebut.(seksyen 90A(5)(b) dan (6)(b)).

Hasil yang diperolehi daripada tindakan sivil untuk mendapatkan pampasan dan gantirugi dan juga tuntutan penalti sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti ini boleh digunakan untuk tujuan berikut.

- (1) Pembayaran semula kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti bagi menampung keseluruhan kos siasatan dan prosiding terhadap kes dagangan maklumat dagangan tersebut; dan
- (2) Membayar pampasan atau gantirugi kepada penjual sekuriti yang telah melupuskan sekuriti dalam kelas/jenis yang sama dalam dagangan Bursa Saham. Dagangan ini adalah merujuk kepada semasa maklumat tidak diketahui umum bagi kesalahan yang dilakukan buat pertama kalinya dan semasa maklumat tersebut telah diketahui umum.
- (3) Membayar pampasan atau gantirugi kepada pembeli sekuriti yang telah membeli sekuriti dalam kelas/jenis yang sama dalam dagangan Bursa Saham. Dagangan ini adalah merujuk kepada keadaan di mana maklumat tidak diketahui umum bagi kesalahan yang dilakukan buat pertama kalinya dan semasa maklumat tersebut telah diketahui umum.

Sekiranya hasil daripada kedua-dua sumber ini gagal diserahkan kepada pihak-pihak yang layak menerimanya seperti yang dinyatakan di atas, pihak

Suruhanjaya Sekuriti akan memasukkannya ke dalam Tabung Pampasan yang diwujudkan mengikut Bahagian VIII, Akta Industri Sekuriti.(seksyen 60 hingga 83B). Ianya akan digunakan untuk perbelanjaan penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan dagangan maklumat dalaman di Malaysia.

### **SEJAUHMANAKAH PERUBAHAN STRATEGI HUKUMAN INI MELINDUNGI DAN MEMBERIKAN KEBAIKAN KEPADA PELABUR PASARAN SEKURITI DI MALAYSIA?**

Penulis berpendapat perubahan strategi hukuman ini adalah baik kerana pertamanya masalah pendakwaan jenayah yang memerlukan piawai pembuktian yang lebih tinggi telah dapat diatasi. Ini kerana tuntutan pampasan sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti tidak memerlukan pembuktian yang melampaui keraguan munasabah. Oleh itu tidaklah begitu rumit bagi pihak pendakwa untuk melaksanakan isu-isu pembuktian ini kerana ia hanya memerlukan piawai yang lebih rendah iaitu 'keseimbangan keberangkalan' berlakunya perbuatan itu yakni sama seperti piawai pembuktian kes-kes sivil. Sebenarnya bagi kes-kes dagangan maklumat dalaman ini, ianya boleh dikelaskan kepada kes-kes yang rumit dan transaksi tersebut melibatkan jumlah wang yang besar dan juga kes-kes yang agak ringan dan jumlah wang yang terlibat tidaklah begitu besar. Faktor inilah yang perlu diambilkira oleh Suruhanjaya Sekuriti dari segi menentukan kes manakah yang perlu dilaksanakan secara pendakwaan jenayah atau hanya melaksanakan tuntutan dan penalti sivil. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kajian-kajian lepas (Hanigan, 1998)<sup>vi</sup>, (Ashe, 1992)<sup>vii</sup>, (Dine, 1993)<sup>viii</sup>, (Forte,1989)<sup>ix</sup>, (Wotherspoon, 1994) <sup>x</sup>dan lain-lain mengesyorkan agar penentuan mengikut pendekatan ini dilakukan oleh setiap negara di dunia dalam menangani masalah dagangan maklumat dalaman ini. Malahan penulis sendiri melalui kajian yang lalu(1999) telah mengesyorkan agar Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia mengeluarkan kriteria dan syarat-syarat penentuan kes menggunakan hukuman jenayah atau sivil. Di samping itu anggaran kadar jumlah yang terlibat juga perlu dikenalpasti dalam pembentukan kriteria yang disebutkan. Peraturan-peraturan ini penting dikemukakan dalam bentuk 'self-regulation' oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti sendiri demi untuk melicinkan pendakwaan atau membawa prosiding ke mahkamah berhubung dengan isu ini.

Keduanya, perubahan strategi hukuman ini boleh dilihat sebagai langkah pihak kerajaan yang prihatin terhadap perlindungan kepada pelabur-pelabur industri sekuriti. Ini bersesuaian dengan perubahan kerangka undang-undang dalam industri sekuriti yang mengubahkan dasar dari 'merit-based' kepada 'disclosure-based'. Perubahan kerangka undang-undang berdasarkan kepada 'disclosure-based' ini meletakkan tanggungjawab kepada syarikat dan individu yang terlibat dalam perdagangan sekuriti untuk memberikan maklumat material kepada awam dan bakal pelabur. Ini membolehkan pihak awam dan bakal pelabur membuat keputusan pelaburan mereka dengan baik dan mengetahui risiko pelaburan mereka. Di samping menggubal peruntukan undang-undang dengan menggunakan pendekatan undang-



undang sekuriti daripada pendekatan undang-undang syarikat yang menggunakan model hubungan fidusiari yang kurang berkesan untuk menjerat orang dalam kedua atau pihak ketiga yang tidak mempunyai ikatan fidusiari tersebut tetapi terlibat secara aktif melakukan aktiviti dagangan maklumat dalaman ini.

Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa aspek perundangan yang perlu diperincikan dan dimantapkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti bagi mengukuhkan pelaksanaan peruntukan undang-undang yang melalui pindaan tahun 1998 ini. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilihat semula oleh pihak berkuasa berhubung dengan undang-undang dagangan maklumat dalaman.

Perkara yang pertama adalah berhubung dengan tuntutan remedi sivil dan penalti sivil yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Sejauhmanakah mangsa-mangsa dagangan maklumat dalaman boleh memperolehi pampasan ini? Dalam seksyen 90A(8) secara nyata menjelaskan bahawa jika Suruhanjaya Sekuriti secara praktisnya tidak boleh memberikan pampasan atas sebab kos-kos pentadbiran yang ditanggung, jumlah agihan pampasan kepada mangsa yang tidak dapat dipastikan dan apabila berlaku kesukaran untuk mengenalpasti atau memberi notis kepada mangsa maka Suruhanjaya boleh membuat keputusan untuk tidak mengagihkan kepada mangsa-mangsa tersebut. Sekiranya opsyen tersebut yang dipilih oleh Suruhanjaya maka tentunya mangsa kepada dagangan maklumat dalaman tidak akan mendapat pampasan atau gantirugi yang sepatutnya mereka terima. Wang pampasan ini akan dimasukkan oleh Suruhanjaya ke dalam Tabung Pampasan Sekuriti sepertimana yang diperuntukkan oleh Bahagian VIII, Akta Sekuriti 1983.

Isu keduanya, pelabur-pelabur perlu mengetahui bagaimana pengiraan pampasan sivil yang dituntut Suruhanjaya mengikut seksyen 90A(5) dan (6) tetapi dari segi agihan kepada mangsa dagangan ini tidak diperjelaskan dalam Akta berkenaan. Sehubungan dengan itu, garis-panduan berhubung dengan pengiraan nilai pampasan atau gantirugi yang akan diagihkan kepada mangsa-mangsa ini perlulah dikenalpasti oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti. Adakah ianya bersifat agihan sama rata di kalangan mangsa ataupun mengikut nilai transaksi sekuriti yang dimasuki oleh mangsa? Maka adakah kelak pampasan ini hanya bernilai kecil sahaja kerana tidak mustahil berjumlah sedemikian sekiranya mangsa-mangsa yang terlibat adalah ramai. Justeru adakah usaha ini berkesan berbanding dengan tuntutan sivil secara persendirian oleh pelabur-pelabur sendiri yang tentunya pengiraan pampasan itu mengikut kerugian individu tersebut. Walau bagaimanapun prosiding mendapatkan pampasan sivil oleh Suruhanjaya ini merupakan satu kebaikan kepada mangsa dari penjimatan kos mengemukakan prosiding sivil di mahkamah. Ini adalah kerana Suruhanjaya yang akan menanggung segala kos-kos prosiding ini dengan membuat potongan ke atas pampasan atau gantirugi yang diperolehinya kelak. Bagaimana pula kalau sekiranya tuntutan ini tidak berjaya apabila ianya dikemukakan mahkamah keadilan? Pihak manakah yang akan menanggung kos ini? Tentunya Suruhanjaya juga. Oleh itu dana atau tabung pampasan dagangan maklumat dalaman ini mestilah teguh bagi menangani masalah ini. Di sinilah

peranan dan fungsi Tabung Pampasan Sekuriti yang dibentuk melalui Akta Industri Sekuriti 1983 perlu diuruskan dengan baik dan sempurna.

Persoalan seterusnya apakah kriteria dan elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh mangsa kepada Suruhanjaya bagi melayakkan mereka mendapat pampasan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya. Adakah asas tuntutan pampasan sivil ini atas inisiatif Suruhanjaya sendiri atau memerlukan pengaduan daripada mangsa terlebih dahulu. Dalam Akta perkara ini tidak dijelaskan secara nyata, tetapi melalui pembacaan penulis terhadap peruntukan yang termaktub, kedua-dua cara ini boleh diterima. Pada pandangan penulis masalah mengenalpasti mangsa adalah mudah sekiranya tuntutan pampasan sivil itu bermula dari aduan mangsa terlebih dahulu dan permohonan perlu dibuat oleh mangsa supaya Suruhanjaya membuat tuntutan bagi pihak mereka. Tetapi sekiranya tuntutan pampasan sivil ini atas inisiatif Suruhanjaya sendiri maka tentunya masalah mengenalpasti mangsa yang berhak mendapatkan pampasan akan berlaku kerana transaksi pasaran sekuriti ini melibatkan pelabur-pelabur yang tanpa sempadan kedudukannya. Pemastian siapakah mangsa yang benar-benar berhak akan berlaku dan ini menyulitkan Suruhanjaya Sekuriti bagi tujuan pemastian.

Adalah diharapkan agar pihak berkuasa yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan kesalahan dagangan maklumat dalaman dapat memperkemas peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan sampingan lain bagi tujuan pelaksanaan yang efektif bagi Akta Industri Sekuriti 1983 ini terutamanya dalam menghadapi cabaran globalisasi dalam perindustrian sekuriti di Malaysia.

---

## NOTA Hujung

<sup>i</sup> Seksyen 15(1) (a) – (n), Akta Industri Sekuriti 1983.

<sup>ii</sup> Asmah Laili, (1999). *A Critical and Comparative Study of Insider Dealing Regulation in the UK and Malaysia*. A Ph.D Thesis. University of Aberdeen, UK.

<sup>iii</sup> Sebelum pindaan Akta Industri Sekuriti pada tahun 1998 dan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pendaftar Syarikat adalah merupakan badan penguatkuasa yang utama menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan kegiatan dagangan maklumat dalaman di Malaysia.

<sup>iv</sup> Zainun Ali, (1994). 'Curbing Insider Trading : Challenges of Regulating the Local Market'. A paper presented at the Conference on Malaysia Capital Markets, Kuala Lumpur.

<sup>v</sup> Louis, (1981). 'The Unwinnable War on Insider Trading'. *Fortune* 13<sup>th</sup> July at 72.

<sup>vi</sup> Hanigan, (1994). *Civil Liability in Insider Dealing*. London: Longman.

<sup>vii</sup> Ashe & Rider, (1993). *Insider Crime. The New Law*. London: Jordans.

<sup>viii</sup> Dine, (1993). 'Implementation of the EC Insider Trading Directive in the UK'. *14 Company Lawyer* 61.

---

<sup>ix</sup> Forte, (1989). 'Insider Dealing- A Tip Toom Far. Case and Comment'. Juridical Review.

<sup>x</sup> Wotherspoon (1994). 'Insider Dealing –The New Law: Part V of the Criminal Justice Act 1993. 57 Modern Law Review.

## **RUJUKAN**

Steil, (1995). International Financial Market Regulation. Chichester: John Wiley & Sons.

Akta Industri Sekuriti 1983.

Akta Suruhanjya Sekuriti 1993.

Low Chee Keong, (1997). Securities Regulation in Malaysia. Kuala Lumpur: MLJ Sdn Bhd.

Low Chee Keong, (2000). Financial Markets in Malaysia. Kuala Lumpur: MLJ Sdn Bhd.

Oditah, (1996). The Future for the Global Securities Market: Legal and Regulatory Aspects. Oxford: Clarendon Press.